KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	10/1/2022 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	UMUM			

Pertahan kelestarian hutan demi warisan masa depan

Oleh Prof Madya Dr Haliza Abdul Rahman
bhrencana@bh.com.my



Ketua Laboratori Belia Dalam Kepimpinan, Politik dan Kewarganegaraan di Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS), Universiti Putra Malaysia (UPM)

Hutan membekalkan sumber dan perkhidmatan tidak ternilai kepada manusia bagi meneruskan kelangsungan hidup. Malangnya, ramai mungkin belum dapat menilai kepentingan ekosistem ini dan keperluan mempertahankannya.

Pemeliharaan hutan simpan kekal amat penting bagi menjamin peranan hutan dalam memastikan kestabilan alam sekitar dan sumber bekalan air bersih, selain memelihara sumber biodiversiti, kawalan hakisan tanah, pemeliharaan dan pemuliharaan spesies flora dan fauna, sekali gus menjana aktiviti ekopelancongan.

Di Pahang misalnya, terdapat 28 kawasan hutan lipur menjanjikan daya tarikan, keunikan dan keistimewaan tersendiri dengan menjalankan aktiviti seperti perkhemahan, merentas hutan, mandi manda, berkelah serta berkhemah.

Dari segi alam sekitar, peranan hutan dalam menstabilkan iklim dunia dan penebat kepada pemanasan global memang diakui. Penebangan hutan menyumbang 12 hingga 20 peratus pelepasan gas rumah hijau global, mengakibatkan perubahan iklim.

Pembukaan naungan silara (rimbunan daun pada bahagian atas pokok) dan pemusnahan tumbuhan hutan akan mengubah rejim suhu tanah yang mempunyai implikasi penting terhadap aktiviti hidupan mikro, selain menyebabkan penurunan kelembapan relatif yang meningkatkan suhu di kawasan berkenaan.

Walaupun fotosintesis kelihatan seperti proses mudah, tetapi sangat penting kerana pokok dan hutan boleh mempengaruhi iklim, seterusnya memberi kesan kepada cuaca. Pokok mampu menyerap lebihan karbon dioksida di atmosfera dengan 0.4 hektar pokok matang boleh menyerap karbon dioksida dikeluarkan 26,000 batu kereta secara puratanya.

Kajian ahli klimatologi bandar juga mendapati berlaku pengurangan suhu pada waktu tengah hari antara 2 hingga 3 darjah Celsius di bawah pokok berbanding kawasan terbuka. Kajian saintis turut membuktikan satu ekar tanah dilitupi pokok mempunyai kadar pelepasan oksigen yang mampu menampung keperluan 18 orang selama setahun.

Malah, ekosistem hutan juga sangat penting untuk melindungi negara daripada bencana alam seperti banjir, tanah runtuh, kemarau dan hakisan. Hutan paya laut misalnya, berperanan penting dalam menjamin kawasan pesisiran pantai termasuk berfungsi sebagai benteng semula jadi untuk menahan serta mengurangkan daya kekuatan pukulan ombak, hakisan tanah penahan semula jadi kepada tiupan angin kencang.

Hutan tanah tinggi pula membantu memperlahankan pergerakan hujan menuruni curam dan pada waktu sama mengekalkan sebahagian daripada air berkenaan. Apabila kawasan resapan ini tiada, maka wujud air berlumpur menghakis tanah yang berakhir dengan tanah runtuh serta banjir kilat.

Dengan negara kini sering dilanda bencana seperti banjir dan tanah runtuh, maka wajar hutan dikekalkan kelestariannya.

Hutan turut berfungsi sebagai tempat perlindungan semula jadi bagi Orang Asli. Mereka dapat menyara hidup melalui sumber hutan sejak beribu tahun dengan kegiatan seharian mereka amat bergantung kepada hutan.

Selain itu, ekosistem hutan menyumbang secara signifikan kepada pembangunan sosioekonomi negara dari segi pendapatan pertukaran asing, hasil kerajaan, pelaburan dan peluang pekerjaan.

Malaysia mencapai jumlah eksport kayu dan produk kayu RM17.81 bilion antara Januari hingga Oktober 2020. Perabot kayu kekal penyumbang utama dengan nilai RM8.38 bilion, diikuti papan lapis (RM2.38 bilion), kayu gergaji (RM1.97 bilion) dan tanggam pada nilai RM800.7 juta.

Malah, jumlah hasil hutan dipungut daripada royalti, premium dan sumber lain seperti hukuman, denda serta pampasan berkaitan perhutanan, lesen dan perkhidmatan perhutanan turut menyumbang pendapatan tambahan kepada kerajaan.

Hutan juga penting sebagai sumber keluaran hasil hutan bukan kayu yang mempunyai kegunaan berlainan. Ia termasuk rotan, buluh, mengkuang dan pandan, tumbuh-tumbuhan pewarna, damar dan lain-lain. Manau (*Calamus manan*) rotan paling popular diperdagangkan dan berharga tinggi.

Walaupun industri kayu dan produk kayu berjaya mengekalkan prestasi stabil, ia bagaimanapun tidak harus memusnahkan hutan di Malaysia.

Ketua hak asasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Michelle Bachelet, berkata "tiga krisis planet" iaitu perubahan iklim, pencemaran dan kehilangan alam semula jadi melambangkan ancaman terbesar ke atas hak asasi manusia sejagat.

Justeru, pengurusan cekap dan penggunaan sumber hutan mampan penting dalam mencapai pembangunan lestari dan memastikan kesejahteraan alam sekitar.

Namun, sebagai negara membangun, Malaysia menghadapi pelbagai cabaran dalam pemeliharaan hutan. Keterancaman hutan didorong tindakan dan perilaku manusia yang bersikap tamak demi kepentingan diri sendiri sehingga menjejaskannya.

Aktiviti berisiko tinggi seperti pembalakan dan pengusaha hasilan tidak lestari, perubahan guna tanah hutan kepada pembangunan dan pembinaan infrastruktur menimbulkan pelbagai kesan dan menjerumus kepada kemusnahan ekosistem serta kepelbagaian biodiversiti.

Fragmentasi hutan dikenal pasti membawa ancaman serius terhadap pemuliharaan hutan dan perlindungan biodiversiti. Sebanyak 70 peratus spesies haiwan, serangga dan tumbuhan hidup di hutan tidak dapat meneruskan kehidupan akibat penebangan hutan.

Apabila hutan dimusnahkan, hidupan liar kehilangan habitatnya, selain menyebabkan banyak haiwan, serangga dan tumbuh-tumbuhan pupus. Ini membimbangkan dan berpotensi membawa kesan besar kepada kesejahteraan manusia.

Di Selangor misalnya, Hutan Simpan Bukit Cherakah yang diwartakan pada 1909 seluas hampir 9,642 hektar dinyah warta beberapa kali sejak 1976 bagi tujuan pembangunan. Kini, Hutan Simpan Bukit Cherakah yang masih kekal hanya seluas 1,298.86 hektar.

Hakikatnya, negara khususnya kerajaan negeri mempunyai tanah cukup untuk pembangunan dan hutan simpan tidak harus dikorbankan lagi bagi tujuan komersial.

Penebangan hutan secara tidak lestari menyumbang hakisan tanah, pemendapan, kerosakan cerun dan tanah runtuh di Malaysia. Pemusnahan hutan di kawasan tadahan air pula menjejaskan bekalan air dan kualiti sumber air, menjejaskan kemampuan pengambilan semula air bawah tanah dan menyebabkan lebih banyak banjir di kawasan tanah rendah.

Pembalakan di kawasan hutan pula memberi kesan langsung kepada kitaran tanah dan hidrologi, kerana pengurangan penutupan pokok menyebabkan peningkatan larian air dan hakisan tanah yang menyumbang kepada peningkatan bencana banjir, seperti berlaku di Pahang.

Diakui, proses pembangunan negara penting, namun perlu bijaksana tanpa memusnahkan hutan yang amat berharga. Justeru, pembangunan keterlaluan hingga mengorbankan hutan wajar dihentikan.

Memastikan keseimbangan antara pembangunan dan pemeliharaan alam bukan mudah. Tambahan pula, Malaysia bergantung sumber kayu sebagai sumber pendapatan. Satu-satunya cara untuk mencapai keseimbangan adalah dengan menguruskan sumber secara lestari dan apabila ia membabitkan kayu, pensijilan adalah kuncinya.

Akhirnya, penyertaan terbuka dan telus semua pihak berkepentingan termasuk masyarakat Orang Asli dan masyarakat setempat penting untuk memupuk pengiktirafan hutan sebagai sumber warisan negara yang mesti dihargai, bernilai dan dipulihara.

Hanya dengan kesedaran mengenai kepentingan khazanah warisan negara ini dapat menyelamatkan hutan dan memastikan ia terus terpelihara kerana kita semua menikmati faedah daripada fungsi hutan.